

CNS0424

U GB 20-01 00212 BH380

aab

Mahathir - Bosnia

PBB BERTANGGUNGJAWAB ATAS KESENGSARAAN RAKYAT BOSNIA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempersalahkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) atas kesengsaraan umat Islam di Bosnia-Herzegovina sambil membidas badan dunia itu kerana gagal melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Dalam satu lagi ucapannya yang membidas keras masyarakat antarabangsa berhubung nasib rakyat Bosnia, Perdana Menteri berkata kewibawaan PBB bukan sahaja boleh dipersoalkan tetapi juga keikhlasan mereka yang mengakui sebagai "jahuh" hak-hak kemanusiaan.

Pada satu majlis di mana beliau diberi sambutan hangat oleh sekumpulan rakyat Bosnia yang kini mendapat perlindungan di Malaysia, beliau juga melahirkan kesedihannya kerana masyarakat antarabangsa memilih untuk berdiam diri dan melihat sahaja umat Islam Bosnia-Herzegovina terus menghadapi pencerobohan tanpa perikemanusiaan puak Serbia.

"Jika kita terima apa yang sedang berlaku kepada rakyat Bosnia sekarang sebagai sah dan betul, maka tamadun kita akan berakhir," katanya semasa melancarkan tiga buah buku bertajuk "Voices of Malaysia", "Suara Keperihatinan Malaysia" dan "Bosnia : Testament to War Crimes As Told By Survivors".

Pada majlis itu yang dihadiri pemimpin-pemimpin koperat, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli politik, lebih daripada RM1 juta dikutip untuk Tabung Bosnia, yang menurut Dr Mahathir membuktikan rakyat Malaysia masih "insan" kerana bersimpati dengan orang Bosnia. -- lagi

▼20/01/21-04MST

R GB 20-01 00149 BH381

aab

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Ketika membidas PBB, Dr Mahathir berkata amat jelas PBBlah yang "menekan" orang Bosnia kerana dasar-dasarnya berhubung sekatan senjata ke Bosnia-Herzegovina, ke atas perlindungan bagi tentera PBB dan kegagalannya mengenakan tekanan terhadap Serbia.

Sekatan tersebut mengakibatkan orang Islam Bosnia tiada upaya mempertahankan diri daripada serangan puak Serb, katanya, sambil menambah bahawa amat jelas kuasa-kuasa Barat tidak mahu tentera mereka "cedera, apatah lagi terbunuh" dan mereka tidak berbuat sesuatu untuk melindungi orang Islam Bosnia.

"Apa guna mereka menjadi perajurit. Lebih baik kita memanggil orang awam atau kanak-kanak untuk menjalankan tugas mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata setiap operasi tentera PBB termasuk untuk menghantar bekalan makanan mesti mendapat "kebenaran" puak Serb, iaitu musuh orang Islam Bosnia.

"Tentera Malaysia di sana juga tidak dapat berbuat apa-apa," katanya sambil menambah bahawa mereka terpaksa mematuhi arahan-arahan PBB. -- lagi

▼20/01/21-19MST

CNS0445

R GB 20-01 00124 BH382

aab

Mahathir - Bosnia 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga berkata bahawa keprihatinan dan bantuan untuk orang Bosnia tidak seharusnya disalah ertikan sebagai kerana mereka orang Islam.

"Kita juga menyokong orang kulit hitam di Afrika Selatan dan mereka (majoritinya) bukan orang Islam. Kita adalah antara negara yang pertama menekenakan sekatan terhadap Afrika Selatan. iaitu sejak 1963," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Kita prihatin kerana mereka manusia".

Sambil menghargai mereka yang memberi sumbangan kepada dana tersebut, Dr Mahathir berkata ia membuktikan bahawa sifat kemanusiaan mereka "adalah benar dan tidak berpura-pura" seperti masyarakat antarabangsa.

Seorang pekerja kemasyarakatan Dr Alijah Gordon membidas Unesco kerana gagal melindungi manuskrip-manuskrip di Sarajevo yang telah dimusnahkan oleh oleh puak Serb. -- lagi

▼20/01/21-33MST

CNS0448

U GB 20-01 00136 BH383

aab

Mahathir - Bosnia 4 (akhir) Kuala Lumpur

"Di mana Unesco (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan, PBB)," Dr Alijah bertanya sambil menambah bahawa separuh daripada 22,000 manuskrip lama di Sarajevo telah musnah.

"Sunquhpun anda boleh melahirkan manusia, anda tidak boleh membangun semula satu tamadun."

Dr Alijah, yang menyunting buku "Bosnia : Testament to War Crimes As Told By Survivors", mencadangkan pemulauan antarabangsa terhadap barangan British, bukan sekadar "Tidak Menutamakan Barangan British".

"Mereka hanya akan lham apabila ekonomi mereka terjejas," katanya.

Buku "Bosnia : Voices of Malaysia" dan terjemahannya dalam bahasa Melayu "Bosnia : Suara Keprihatinan Malaysia" merupakan pengumpulan ucapan Dr Mahathir dan ahli-ahli politik Malaysia yang lain mengenai isu Bosnia.

Semua hasilualan buku-buku itu akan disalurkan kepada Tabung Bosnia.

-- Bernama

AZG SIA

▼20/01/21-44MST